

# Program celik sukan ibu bapa

Oleh Khairul Najib

Asarulah Khan

sukan@hmetro.com.my

**Seremban:** Bagi melahirkan generasi yang aktif dalam sukan, Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) Negeri Sembilan buat julung kali mengadakan program Pensijilan Sukan.

Pengarah Unit Sukan UPM Prof Dr Shamala Subramaniam berkata, program itu bertujuan supaya ibu bapa mengetahui kepentingan sukan dalam kehidupan anak mereka.

“Program ini mempunyai empat fasa iaitu setiap fasa dijalankan selama dua hari setiap bulan dan akhirnya akan membuat penilaian impak program dengan menjalankan kuiz serta melihat perubahan peserta da-

lam mendidik anak mereka dalam bidang sukan.

“Jika berjaya peserta akan menerima sijil, dengan ini dapat menerapkan nilai dan kepentingan sukan kepada ibu bapa supaya memastikan kepentingan sukan seiring dengan akademik,” katanya selepas majlis perasmian berkenaan di Dewan NSWO Seremban, baru-baru ini.

Hadir sama Presiden NSWO Negeri Sembilan Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumuddin.

Dr Shamala berkata, peserta program itu turut diberi taklimat mengenai makanan seimbang, barangan dan pakaian sukan, pengetahuan asas dan perkongsian kece-merlangan atlet.

“Sehubungan itu, minda peserta akan lebih terbuka dan ramai yang akan cenderung dalam bidang sukan, secara tidak langsung berpeluang menjadi atlet atau pelapis dalam sukan tertentu,” katanya.

Sementara itu, Raja Salbiah berkata, seramai 100 peserta NSWO menyertai program itu.

“Program ini satu perkongsian pintar antara NSWO negeri bersama Akademi Sukan UPM,” katanya.